

# Warga emas maut dikelar

**MELAKA:** Seorang wanita warga emas dipercayai maut selepas dikelar ahli keluarganya sendiri dalam kejadian di Kampung Paya Luboh di sini, semalam.

Dalam kejadian kira-kira pukul 2.50 petang itu, mangsa Rozizah Md. Dom, 63, dipercayai dibunuh oleh suspek lelaki berusia 38 tahun.

Suspek bagaimanapun berjaya ditangkap penduduk kampung dan diserahkan kepada pihak polis.

Menurut jiran mangsa, Jambaliah Md. Jamil, 35, kejadian itu disedarinya selepas adik suspek keluar dari rumah menjerit meminta tolong orang ramai.

Katanya, dia yang terdengar

laungan itu terus bergegas ke rumah ibu saudaranya untuk meminta bantuan, lantas terus bergegas ke rumah mangsa.

“Rumah saya dari tempat kejadian hanya kira-kira 10 meter. Dalam pukul 2 petang, saya dengar adik suspek menjerit meminta tolong. Saya terus keluar panggil mak lang saya, kemudian terus datang ke rumah dia.

“Kebetulan pintu memang berkunci, lepas itu kami panggil jiran-jiran dekat sini suruh mereka masuk dahulu, sebab mereka lelaki. Suspek tak lari, dia duduk sahaja dalam bilik selepas kejadian, tidak membe-rontak apa pun,” katanya ketika

ditemui *Utusan Malaysia*.

Dalam pada itu, Ketua Polis Melaka, Datuk Zainol Samah berkata, suspek mendakwa terdengar bisikan suara memberitahu bahawa mangsa menyembah berhala.

Beliau berkata, semakan mendapati suspek mempunyai dua kes jenayah lampau melibatkan dadah dan mempunyai rekod psikiatri.

“Selepas mendengar bisikan itu, suspek terus bertindak menikam mangsa.

“Kes masih dalam siasatan dan punca sama ada dia berbuat demikian atas pengaruh dadah atau sebab lain belum diketahui keputusannya,” katanya.



**ANGGOTA** polis forensik tiba bagi menjalankan siasatan terhadap kes bunuh seorang wanita di Kampung Paya Luboh, Tangga Batu, Melaka, semalam. - UTUSAN/RASUL AZLI SAMAD